

18/08/2003

Anak peneroka catat rekod keliling Semenanjung

BANDAR SRI JEMPOL: Seorang anak peneroka Felda Palong 7, dekat sini berjaya memandu kereta secara solo mengelilingi Semenanjung tanpa henti selama 50 jam 20 minit.

Perjalanan Mohd Nizam Aman, 26, sejauh 3,507 kilometer memandu Proton Wira bermula dari Bandar Sri Jempol, melalui Raub, Gua Musang, Jeli, Grik, Kangar, Alor Star, Butterworth, Ipoh, Sitiawan.

Dari Sitiawan beliau memandu ke Kuala Selangor, Shah Alam, Port Dickson, Melaka, Batu Pahat, Johor Bahru, Mersing, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bharu, Jeli, Gua Musang, Raub dan kembali ke sini.

Sepanjang perjalanan, beliau yang memandu kereta sendiri hanya berhenti seketika di 20 balai polis untuk mencatatkan pengesahan apabila melalui sesuatu kawasan.

Perjalanan bermula pada 15 Ogos jam 8 pagi dan sampai ke sini jam 10.20 pagi semalam. Pemanduan itu dicatatkan dalam The Malaysia Book of Records sebagai Pemandu Solo Tanpa Henti Paling Jauh.

Pengiktirafan dicatatkan wakil syarikat berkenaan, Chery Heng dan ditandatangani Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Khalid Yunus, yang juga Ahli Parlimen Jempol, di perkarangan Pejabat Daerah Jempol, di sini pagi semalam.

Ketika ditemui, Mohd Nizam berkata, cabaran itu memerlukan ketahanan fizikal dan mental luar biasa kerana perlu dalam keadaan letih dan mengantuk.

Katanya, ketika mengantuk beliau segera memakai baju panas, mematikan pendingin hawa kereta tanpa membuka tingkap yang akan mewujudkan udara panas sehingga badan berpeluh dan menyegarkan semula badan.

"Saya hanya minum air suam, makan roti dan pisang sepanjang perjalanan," katanya.

Mohd Nizam yang berkahwin dengan Noraliah Abdul Rahim, 27, dan mempunyai seorang anak, Nur Danisa Damia, berusia tujuh bulan, menceritakan antara masalah yang dihadapi adalah tayar kereta bocor tidak jauh dari ibu pejabat polis daerah Johor Bahru dan terpaksa mengharungi kesesakan lalu lintas ketika melalui bandar berkenaan.

Selain itu, ketika melalui Terengganu dan Kelantan matanya sangat mengantuk kerana terlalu lama memandu tetapi bertekad meneruskannya apabila terkenangkan pesanan yang kerap disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa anak Malaysia mesti 'boleh'.

Mohd Nizam berkata, pada peringkat permulaan beliau bercadang menamatkan perjalanan selama 48 jam tetapi tidak dapat dilakukan apabila terperangkap dalam kesesakan lalu lintas ketika di Batu Pahat, kerana ada kemalangan.